

Hati tersentuh **di Kemboja**

Phnom Penh: Pengembaraan 28 pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) selama lima hari ke Kemboja, baru-baru ini, menyuntik kesedaran mengenai kehidupan daif diharungi masyarakat Islam di beberapa perkampungan negara itu yang menyentuh hati.

Kunjungan di bawah Program Global Islamic Students Outreach (GISO) itu membabitkan pelajar tahun tiga Ijazah Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa (Dengan Kepujian) antara lain mendekati penduduk di Kampung Beng Proul.

Pengarah program itu, Muhammad Fahdi Mohamed Sobri, berkata peserta mengadakan sesi perkongsian ilmu dengan generasi muda di perkampungan berkenaan, meliputi kepentingan berpegang teguh kepada ajaran agama Islam.

"Selain itu, mereka juga mengadakan lawatan ilmiah ke beberapa masjid di Kampung Beng Proul dan Kampung Chrang Chomres di Phnom Penh,



Pelajar USIM beramah mesra dengan Ahli Jawatankuasa Masjid Nurul Naim di Kampung Chrang Chomres.

termasuk menjalani aktiviti gotong-royong di Masjid Nurul Naim.

Lawat tempat bersejarah

"Dalam lawatan ke sebuah masjid di Kampung Chrang

Chomres, peserta berpeluang menyaksikan pertandingan tilawah al-Quran yang diadakan untuk memilih wakil dalam kalangan anak kampung itu untuk ke peringkat negeri," katanya.



“
PENGENGEMBARAAN
INI MENGAJAR
KAMI UNTUK
BERSYUKUR
DENGAN NIK-
MAT KEAMANAN
YANG DIKECAPI
DI MALAYSIA
SELAMA INI”

Muhammad Fahdi
Mohamed Sobri,
Pengarah program



Bergambar kenangan di hadapan Masjid Darul Naim, Kampung Chrang Chomres.